

ENAM DIPECAT, SOKONG CALON BEBAS

ROMPIN, Khamis — Enam orang ahli UMNO di kawasan ini dipecat dari parti itu kerana menyokong calon bebas dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh.

Mereka dipecat ke-

rana bertindak sebagai penyokong dan saksi kepada calon bebas, Enck Hashim Haji Pilus, bekas Pengurus Ladang yang menentang calon Barisan Nasional Enck Waad Haji Mansor, bekas Pengetua sebuah maktab swasta di Gemas.

Keenam mereka yang

Oleh **MAJID SAID**

dipecat itu ialah Haji Md Lazim Naimat (bekas Naib Ketua UMNO cawangan Air Gelugor Tenai), Enck Aman Dongkil (ahli cawangan Sungai Dua), Enck Baharuddin Borhan (ahli cawangan Air Gelugor Tenai), Raja Shahminan Raja Ahmad (cawangan Felda Bukit

Rokan), Enck Abdul Ghani Ariffin (Sungai Dua) dan Enck Hussein Haji Mansor dari cawangan Kampung Gedok.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim berkata, beliau memandang beral sikap enam orang ahli UMNO yang menjadi penyokong dan

penadang dalam kertas pencalonan calon bebas.

Katanya, perbuatan mereka itu adalah tidak adil dan tindakan disiplin boleh diambil.

Bellau memberitahu para pemberita mengenai dakwaan yang dibuat oleh beberapa orang UMNO di sini yang terkejut mendapati para penyokong dan penadang calon bebas terdiri dari ahli UMNO bahagian Tampin.

"Dari pandangan saya mereka ini telah disingkir dari UMNO secara automatik," katanya.

Penglibatan enam orang ahli UMNO menyokong calon bebas begitu mengejutkan ramai tokoh politik tempatan.

Bagaimanapun, Enck Hashim calon bebas menafikan penadang dan penyokong kertas pencalonannya terdiri dari ahli UMNO.

"Sepanjang pengetahuan saya, mereka bukan ahli UMNO dan saya juga bukan orang UMNO, tetapi saya pernah memohon menjadi ahli UMNO," katanya.

Menurut Enck Hashim, beliau pernah berita-cita dan pernah memohon menjadi ahli UMNO di kawasan Gemencheh pada tahun 1976 tetapi permohonannya tidak diterima.

Bellau akhirnya mengambil keputusan untuk bertanding sebagai calon bebas dan bersedia menjadi ahli UMNO selepas pilihanraya kecil itu.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ketua UMNO Bahagian Tampin, Datuk Mokhtar Hashim ketika mengulas sikap sepuluh cawangan UMNO di Gemencheh yang tidak setuju pencalonan Enck Waad berkata, pemilihan calon BN itu telah dibincangkan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia